

Cinta Choo Ming terhadap bahasa Melayu

» Dari Sitiawan ke Bangi sorot sejarah peribadi, lembar bahasa dan sastera

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Dari Sitiawan Ke Bangi membawa pembaca mengenali pengarangnya, Prof Dr Ding Choo Ming yang mesra dengan panggilan Prof Ding dengan sorotan sejarah hidup beliau terutama bagaimana beliau jatuh cinta terhadap bahasa Melayu hinggalah esei yang menyentuh kedudukan dan perkembangan bahasa kebangsaan.

Naskhah yang memuatkan 24 esei kombinasi daripada tulisan yang pernah dimuatkan di akhbar dan majalah sastera itu, cukup menarik kerana memperlihatkan pandangan penulis bukan Melayu yang mewakili bangsa Cina seperti Choo Ming yang melihat secara jujur masa depan bahasa Melayu yang dicintainya.

Esei dalam bab kelima yang turut diangkat sebagai judul naskhah, iaitu *Dari Sitiawan Ke Bangi* boleh dianggap antara pengisian penting kerana memberi inspirasi khususnya kepada masyarakat bukan Melayu untuk mendalami bahasa kebangsaan yang tidaklah semudah disangka tetapi tidak juga mustahil untuk dikuasai.



Info penulis

Prof Ding Choo Ming

- ③ Dilahirkan di Pekan Gurney, Sitiawan, Perak
- ③ Bertugas sebagai profesor merangkap Felo Penyelidik Utama di ATMA, UKM
- ③ Bidang penyelidikan beliau meliputi pengajian manuskrip Melayu, pengarang dan kreativiti pantun Melayu, kearifan peribumi Alam Melayu dan pengaruh Hinduisme dalam perkembangan kesusasteraan dan ketamadunan Alam Melayu

Dari Sitiawan Ke Bangi

- ③ **Penulis:** Prof Ding Choo Ming
- ③ **Penerbit:** Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- ③ **Halaman:** 325

Beliau yang membesar ketika era 1960-an di Pekan Gurney, Sitiawan itu, menceritakan kesukaran mula mempelajari bahasa Melayu kerana kampungnya majoriti masyarakat Cina dan hanya terdedah kepada pengajian Melayu ketika belajar di Tahun Empat apabila seorang guru Melayu mengajar di sekolahnya walaupun sekali seminggu.


Akhbar, radio jadi rujukan

Kesungguhan Choo Ming menguasai bahasa Melayu begitu tinggi meskipun pendapatan bapanya sebagai penoreh getah tidak seberapa sehingga beliau mengambil inisiatif sendiri mempelajarinya dengan menjadikan akhbar dan radio sebagai guru serta tempat rujukan.

Felo Penyelidik Utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu jugaantang memberi kritikan yang membina khususnya mengenai isu alam Melayu antaranya esei *Maklumat Peribumi Dunia Melayu Dipinggir* yang melihat secara telus kesukaran mendapatkan bahan sehingga terpaksa berki- blatkan Barat sebagai sumber utama.

Teguran itu sepatutnya membuka mata banyak pihak terutama institusi bahasa yang sepatutnya memberi perhatian serius kepada usaba. pengumpulan data dan maklumat peribumi dengan lebih agresif kerana masih banyak manuskrip Melayu lama berada di merata tempat termasuk simpanan individu.

Beliau juga banyak membuat kajian terutama tradisi pantun dalam masyarakat peranakan baba yang dapat dilihat pada esei *Timbul Tenggelamnya Bahasa Peranakan Baba* yang membincangkan perkembangan



dan keunikannya sebagai alat komunikasi.

Komuniti global, siber

Selain itu, seiring perkembangan teknologi dan dunia pendigitalan yang turut memberi kesan kepada bahasa, Choo Ming tampil dengan beberapa esei penting seperti *Bahasa Kebangsaan dalam Era Siber dan Cabaran Bahasa Melayu di Era Ekonomi dan Teknologi Baharu* sebagai ingatan supaya anjakan paradigma dibuat untuk mengembangkan maklumat kebahasaan kepada komuniti global di alam siber.

Elemen perkamusan dalam memartabatkan bahasa Melayu turut dikupas dalam buku ini termasuk cadangan supaya Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei bekerjasama menerbitkan kamus Melayu dengan memanfaatkan kemudahan pusat leksikografi, sarjana, pakar bahasa dan pakar teknologi sedia ada.

Pada beberapa helaian akhir, pembaca berpeluang menatap koleksi gambar Choo Ming pada zaman kecilnya dan universiti sehinggalah mutakhir ini, selain artikel yang pernah tersiar di pelbagai media cetak.

Secara keseluruhannya, pencinta bahasa sepatutnya mendapatkan naskhah penulis yang banyak menyumbang tenaga akademik dalam perkembangan kesusasteraan dan ketamadunan alam Melayu, bahkan beliau boleh diibaratkan mutiara kerana tegar dalam memartabatkan bahasa kebangsaan.

